

Kayu pula jadi bahan kempen negatif

BH - 5 JAN 1988

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan kempen negatif negara-negara maju, terutama di Eropah, terhadap kayu keras tropika termasuk yang dikeluarkan di Malaysia.

Perdana Menteri menegaskan kempen negara berkenaan tidak berkaitan langsung dengan kebimbangan mereka terhadap iklim dunia dan alam sekitar.

Tetapi, katanya, apa yang dilakukan oleh negara-negara itu semata-mata untuk memastikan pengeluaran kayu tropika tidak bersaing dengan pengeluaran kayu beriklim sederhana. Kempen itu berpunca daripada persaingan perdagangan semata-mata.

Datuk Seri Dr Mahathir menafikan dakwaan bahawa kerja pembalakan di negara-negara tropika seperti Malaysia akan menjejaskan iklim dunia.

Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan perkara itu kepada Perdana Menteri Itali, Encik Giovanni Goria, dalam pertemuan di Jabatan Perdana Menteri, hari ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zainal Abidin Sulong, berkata Datuk Seri Dr Mahathir juga menjelaskan kepada pemimpin Itali itu bahawa Malaysia menjalankan kegiatan pembalakan yang sistematik.

Bercakap kepada pemberita, Tan Sri Zainal Abidin berkata, Encik Giovanni Goria juga membayangkan bahawa Itali menentang usaha Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) untuk mengenakan cukai ke atas minyak sawit.

Encik Goria yang mengetuai rombongan perdagangan negaranya tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi tiga hari bagi mempertingkatkan hubungan dua hala dan perdagangan dengan Malaysia.

Pendirian yang sama juga dinyatakan oleh Menteri Luar Itali, Encik Encik Giulio Andreotti dalam perbincangan berasingannya dengan rakan sejawatnya, Datuk Abu Hassan Omar.

Perjumpaan di Jabatan Perdana Menteri itu turut disertai oleh 20 anggota perdagangan Itali.

Sebelum itu, Datuk Seri Dr

Oleh SAODAH ELIAS

Mahathir dan Encik Goria mengadakan perbincangan "empat mata" di pejabat Perdana Menteri selama kira-kira 30 minit.

Tan Sri Zainal Abidin berkata, Datuk Seri Dr Mahathir mencadangkan supaya negara Kumpulan Tujuh menerima wakil dari negara-negara membangun bagi menyampaikan pandangan negara-negara berkenaan mengenai sebarang program membabitkan ekonomi dunia.

Katanya, Datuk Seri Dr Mahathir juga memberi taklimat kepada Encik Goria dan rombongannya mengenai dasar pelaburan Malaysia, manakala Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datin Paduka Rafidah pula memberi penjelasan mengenai pelbagai galakan pelaburan di negara ini.